



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026 (MEI)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN

01.05.2026 (JUMAAT)

Mejar didakwa kemuka dokumen palsu

Alor Gajah: Pegawai tentera berpangkat Mejar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini, semalam atas lima pertuduhan mengemukakan dokumen invois mengandungi butiran palsu membabitkan kerja senggaraan dan pembekalan bahan mentah tidak wujud bernilai RM225,018.75, dua tahun lalu.

D Vivekananthan, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang ketika kejadian bertugas sebagai Pegawai Pemerintah 9 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (9 SKN RAJD) di Kem Terendak didakwa menggunakan lima invois daripada syarikat berbeza yang mengandungi butiran palsu berkaitan kerja pembinaan dan senggaraan.

Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama, memperuntuk-

kan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai butiran palsu atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon tertuduh tidak diberikan jaminan atas alasan kesalahan dilakukan adalah serius.

Namun, sekiranya mahkamah menggunakan budi bicara, pihaknya mencadangkan jaminan RM30,000 bagi semua pertuduhan selain syarat tambahan passport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM Melaka.

Peguam merayu jaminan dengan alasan anak guamnya adalah penanggung tunggal keluarga, termasuk isteri, seorang anak serta ibu bapa mentua.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan dipohon pendakwaan. Sebutan semula kes pada 5 Jun bagi serahan dokumen.



Vivekananthan dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)



BERITA HARIAN

01.05.2026 (JUMAAT)

Tuntutan palsu dan terima wang hasil aktiviti haram

Wujud unsur salah guna harta milik kerajaan Perlis

Azlan didakwa terima RM1.06j hasil pembatalan pakej pelancongan bagi perjalanan yang tidak berlaku

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen semalam diberitahu wujud unsur salah guna harta milik kerajaan Perlis apabila Datuk Seri Azlan Man menerima wang hasil pembatalan pakej pelancongan ke luar negara bagi perjalanan yang tidak berlaku.

Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), M Theenmoly berkata hasil siasatan mendapati bekas Menteri Besar Perlis itu, melalui Setiausaha Sulit Kanannya, Herwardy Hashim sudah mengarahkan agensi Sri Kedawang Travel & Tour (W) Sdn Bhd (SKTT) dan Aidil Travel & Tours Sdn Bhd untuk membatalkan tempahan perjalanan berkenaan.

"Datuk Seri Azlan Man kemudian membuat tuntutan terhadap wang yang telah dibayar daripada pihak kerajaan Perlis dan duit itu dimasukkan ke dalam akaun banknya," kata saksi pendakwaan ke-20 itu pada perbicaraan kes Azlan yang berdepan 10 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan menerima wang hasil aktiviti haram.

Beliau berkata, atas arahan Azlan, kedua-dua agensi pelancongan memulangkan semula wang percutian yang dibatalkan



Azlan (kiri) hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

berjumlah RM1.06 juta ke dalam akaun bank milik Azlan menerusi empat keping cek dan wang tunai antara 14 Februari 2014 hingga 24 Januari 2017.

"Siasatan saya berdasarkan keterangan dokumen seperti pesanan tempatan, penyata bank ke dua-dua pihak dan keterangan saksi. Justeru, saya mendapati terdapat keterangan yang menunjukkan Datuk Seri Azlan Man telah menerima wang hasil daripada aktiviti haram iaitu pembatalan pakej percutian ke luar negara," katanya.

Theenmoly berkata, berdasarkan keterangan Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis Norazlan Yahya, tiada sebarang kertas pertimbangan dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan penggantian kemudahan cuti seberang laut yang diluluskan Azlan kepada wang tunai

bagi 2013 hingga 2017.

"Berdasarkan siasatan saya, Datuk Seri Azlan Man tidak boleh memilih dibayar tunai bagi (kemudahan) cuti seberang laut Kuala Lumpur ke London dan hotel penginapan bagi 2013 hingga 2017," katanya.

Maklumat agensi pelancongan
Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Hareesh Prakash Somiah mengenai pengesahan perjalanan yang tidak berlaku, saksi itu berkata maklumat berkenaan diperoleh daripada kedua-dua agensi pelancongan.

Theenmoly berkata, agensi terbabit memaklumkan tertuduh membatalkan perjalanan pada tarikh yang sudah disahkan atas alasan ingin menguruskannya sendiri selain meminta wang berkenaan dimasukkan ke akaun peribadi beliau.

"Agensi pelancongan berkenaan juga mengesahkan tiada pembelian tiket bagi tuntutan percutian seberang laut Datuk Seri Azlan Man bagi 2014 hingga 2017," katanya yang kini berkhidmat sebagai pegawai penyiasat di Unit Integriti Kementerian Belia dan Sukan.

Menjawab soalan peguam, Burhanudeen Abdul Wahid, Theenmoly berkata tiada keperluan untuk menyiasat pasport tertuduh kerana siasatan telah diperkuh dengan dokumen permohonan cuti, pesanan tempatan, sebut harga dan invoice.

Azlan, 67, berdepan lima pertuduhan berkaitan tuntutan palsu bagi kemudahan cuti ke luar negara berjumlah lebih RM1.18 juta, yang didakwa dilakukan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis antara Disember 2013 dan Disember 2017.

Tuntutan itu membabitkan sebut harga tiket penerbangan ke London, United Kingdom serta invoice daripada SKTT dan Aidil Travel & Tours Sdn Bhd.

Beliau juga didakwa atas lima pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM1.06 juta antara 19 Februari 2014 dan Disember 2017 di beberapa lokasi termasuk cawangan Maybank Jalan Tuanku Abdul Rahman, CIMB Bank cawangan Putrajaya serta Hotel Sheraton Imperial di sini.

Selain itu, Azlan berdepan lima pertuduhan pilihan menyalahgunakan wang sebanyak RM1.06 juta milik Kerajaan Negeri Perlis yang dibayar kepada SKTT dan Aidil Travel & Tours Sdn Bhd.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung 19 Jun ini.

BERNAMA



HARIAN METRO

01.05.2026 (JUMAAT)

PEGAWAI TENTERA DITUDUH BUNUH PENCIPTA KANDUNGAN BANGLADESH

Faham tapi tak mengaku salah

Oleh Muhamaad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pegawai tentera berpangkat kapten dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh seorang pencipta kandungan permainan video popular warga Bangladesh di Lebuhraya Maju (MEX), minggu lalu.

Bagaimanapun tiada pengakuan

direkodkan daripada tertuduh, Jaid Faid Arhan, 31, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Illi Marisqa Khalizan.

"Saya faham," katanya. Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membunuh dengan menyebabkan kematian Muzahid Millad, 22, di KM 1.9 Lebuhraya MEX dari arah Salak Selatan menghala ke Jalan Tun Razak di sini pada jam 5.30 pagi, 23 April 2026.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati atau penjara antara

30 hingga 40 tahun serta sebatan tidak kurang 12 kali jika tidak dijatuhi hukuman mati, jika sabit kesalahan.

Tiada jaminan diberikan dan mahkamah menetapkan 21 Julai ini untuk sebutan semula kes.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret berasingan, tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan iaitu memandu di bawah pengaruh minuman memabukkan sehingga menyebabkan kecederaan parah kepada pemandu dan penumpang

pang di dalam kenderaan sama.

"Saya faham. Saya mengaku tidak bersalah," katanya di hadapan Majistret Tg Syazwany Yasmyn Tuan Roslan.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa memandu kereta jenis Ford Fiesta di bawah pengaruh minuman yang memabukkan sehingga tidak berupaya mengawal kenderaan itu sehingga menyebabkan kecederaan parah kepada pemandu, Jailani Sapih, 31, dan penumpang, Nafisa Tabassum Adiba, 21, di lokasi,

masa dan tarikh yang sama.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 44(1A)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman penjara tidak kurang tujuh tahun dan tidak lebih 10 tahun serta denda tidak kurang RM30,000 dan tidak lebih RM50,000, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Pendakwaan Kuala Lumpur, Datuk Mohd Nordin Ismail manakala tertuduh diwakili peguam

Muhammad Nazreen Jaafar Abdullah.

Terdahulu, Mohd Nordin memohon mahkamah menetapkan tarikh sebutan yang sama seperti kes terdahulu.

"Kami akan membuat permohonan untuk perbicaraan bersama," katanya.

Muhammad Nazreen tidak mengemukakan sebarang bantahan.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh sebutan semula kes sama seperti kes terdahulu.



ANGGOTA polis mengiringi Jaid Faid Arhan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur bagi menghadapi tuduhan.



HARIAN METRO

01.05.2026 (JUMAAT)

Mejar nafi buat tuntutan palsu RM225k

Alor Gajah: Pegawai tentera berpangkat mejar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer di sini, semalam atas lima pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan kerja senggaraan dan pembekalan bahan mentah tidak wujud bernilai lebih RM225,000 dua tahun lalu.

D Vivekananthan, 43, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh ketika bertugas

sebagai Pegawai Pemerintah 9 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (9 SKN RAJD) di Kem Terendak didakwa menggunakan lima invois daripada syarikat berbeza yang mengandungi butiran palsu berkaitan kerja pembinaan dan senggaraan.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa menggunakan invois atas nama Jelatok Rimba Enterprise bertarikh 12 Mac 2024 membabitkan kerja pembinaan Bengkel Latihan Ketukangan Anggota, dua Pondok Skuad Pasukan dan Stor Latihan Kereta Jenis C (KJC) berjumlah RM80,000 yang sebenarnya tidak wujud.

Pertuduhan kedua pula membabitkan penggunaan invois daripada WH Technic Resources bertarikh 26 Mac 2024 bagi kerja Senggaraan Garaj Balai Pengawal (BPKP 21) dan kerja berkaitan Pasukan 9 SKN RAJD bernilai RM35,523.75 yang juga didakwa tidak dilaksanakan.

Bagi tiga lagi pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan invois palsu masing-masing atas nama Sri Bistari Trading (RM20,000), Subsurf Sdn Bhd (RM39,950) dan Fareena Universal (RM49,545) bagi kerja senggaraan Stor FAMTO 9 SKN RAJD, bilik sejarah serta blok penginapan pa-

sukan yang tidak dijalankan.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat 9 SKN RAJD, Kem Terendak antara 12 Mac hingga 19 November 2024.

Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama, memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai butir matan palsu atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Sharina Farhana Nor Sa'ari, manakala tertuduh diwakili peguam P Thisharmini.



SINAR HARIAN

01.05.2026 (JUMAAT)

Seleweng dana RM230 juta: Timbalan NGO, pengarah syarikat dilepas dengan jaminan

SHAH ALAM - Timbalan Yang Dipertua sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dan pengarah syarikat yang direman bagi membantu siasatan penyelewengan dana berjumlah kira-kira RM230 juta dilepaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor pada Khamis.

Menurut sumber, kedua-dua suspek disyaki bersubahat memindahkan RM230 juta ke dalam akaun syarikat salah seorang mereka bagi tujuan pelaburan dan peribadi.

"Pada 25 April lalu, kedua-dua suspek disambung reman lima hari dan hari ini mereka dilepaskan sebaik tempoh reman tamat," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Mohd Azwan Ramli ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.

Sebelum itu, kedua-dua suspek berusia lingkungan 50 dan 60-an telah direman selama empat hari bermula 22 April lalu.

SPRM sebelum ini juga memaklumkan telah membekukan 33 akaun bank berjumlah kira-kira RM150 juta.

Media sebelum ini melaporkan penahanan kedua-dua individu di sekitar Lembah Klang pada 21 April lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, penyelewengan berjumlah kira-kira RM230 juta dikesan berlaku dalam sebuah NGO dan setakat ini tidak membabitkan sumber dana daripada mana-mana institusi zakat di negara ini.

Siasatan SPRM mendapati NGO terbabit menerima dana sumbangan daripada pelbagai pihak dan sumber termasuklah komisen yang diperolehi daripada kutipan tertentu untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

Pada 23 April lalu SPRM telah menyita aset tak alih bernilai lebih RM18.3 juta bagi membantu siasatan berkaitan kes terbabit.

Sitaan tersebut melibatkan 14 hartanah yang terdiri daripada tujuh kediaman, tiga unit ruang pejabat dan empat lot tanah di beberapa lokasi.



SINAR HARIAN

01.05.2026 (JUMAAT)

Pegawai kanan tentera didakwa buat tuntutan palsu RM225,000

MELAKA - Seorang pegawai kanan tentera berpangkat mejar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis terhadap lima pertuduhan mengemukakan dokumen pembekalan tidak wujud membabitkan tuntutan bernilai lebih RM225,000 dua tahun lalu.

Tertuduh, D Vivekananthan, 43, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang merupakan Pegawai Pemerintah 9 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (9 SKN RAJD) Kem Terendak didakwa menggunakan dokumen invois palsu bagi memperdayakan prinsipal beliau iaitu Kementerian Pertahanan Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilaku-

kan di pejabat skuadron berkenaan di Kem Terendak, Melaka Tengah antara Mac hingga November 2024.

Bagi pertuduhan pertama hingga kelima, tertuduh didakwa mengemukakan invois daripada beberapa syarikat berbeza melibatkan kerja pembekalan bahan mentah bagi pelbagai projek penyenggaraan dan pembinaan sedangkan pembekalan tersebut tidak pernah dilakukan.

Ia termasuk pembinaan bengkel latihan berjumlah RM80,000; garaj balai pengawal RM35,523.75; stor latihan RM20,000; bilik sejarah RM39,950 dan blok penginapan RM49,545.

Kesemua pertuduhan dikemukakan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda



Vivekananthan mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dibacakan ke atasnya pada Khamis.

tidak kurang lima kali ganda nilai tuntutan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari yang

mencadangkan jaminan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan termasuk menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam, P

Thisharmini mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan dikurangkan dengan alasan anak guamnya merupakan penyara tunggal keluarga, mempunyai seorang isteri dan anak berusia enam tahun selain menanggung ibu mentua yang menghidap sakit jantung serta adik-beradik lain.

Menurutnya, tertuduh yang telah berkhidmat selama 18 tahun dalam tentera juga mempunyai rekod perkhidmatan baik serta memberikan kerjasama sepanjang prosiding.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan seperti yang dicadangkan pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 5 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



SINAR HARIAN

01.05.2026 (JUMAAT)

Kapten tentera pandu mabuk didakwa membunuh

Satu pertuduhan
bunuh pempengaruh
'Advance Gaming', 2
lagi kes memandu
secara mabuk

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Seorang pegawai tentera berpangkat kapten didakwa di dua Mahkamah Majistret berasingan di sini pada

Khamis atas satu pertuduhan membunuh pempengaruh 'Advance Gaming' yang juga warga Bangladesh di Lebuhraya Maju (MEX) dan dua lagi kes memandu secara mabuk minggu lalu.

Bagi pertuduhan membunuh, Jad Faid Arhan, 31, menganggu tanda faham selepas pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Illi Marisqa Khalizan.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh kerana kes berkenaan berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, dia yang memakai baju T berkolar merah dan berseluar jeans didakwa membunuh dengan menyebabkan kematian kepada seorang pencipta kandungan permainan video popular, Muzahid Millad, 22.

Kesalahan didakwa dilakukan di KM 1.9 Lebuhraya MEX dari arah Salak Selatan ke Jalan Tun Razak, jam 5.30 pagi pada 23 April lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati atau penjara antara 30 hingga 40 tahun.

Jika tidak dihukum mati hendaklah disebat tidak kurang 12



Jad Faid dibawa ke Penjara Sungai Buloh selepas didakwa atas tiga pertuduhan termasuk membunuh dan memandu secara mabuk.

kali, jika sabit kesalahan.

Bagi dua lagi pertuduhan memandu secara mabuk, lelaki itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Tg Syazwany Yasmyn Tuan Roslan.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, dia didakwa sebagai pemandu kereta jenis Ford Fiesta telah memandu di atas jalan raya di bawah pengaruh minuman yang memabukkan sehingga menyebabkan dia tidak berdaya me-

ngawal kenderaan berkenaan.

Perbuatan berkenaan menyebabkan kecederaan kepada penumpang yang juga isteri Muzahid iaitu Nafisa Tabassum Adiba, 21, dan pemandu e-hailing, Jailani Sapih, 41, di lokasi, masa dan tarikh serupa.

Dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman penjara antara tujuh hingga 10 tahun dan denda antara RM30,000 hingga

RM50,000, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Pendakwaan Kuala Lumpur, Datuk Mohd Nordin Ismail sementara tertuduh diwakili peguam, Muhammad Nazreen Jaafar Abdullah.

Kedua-dua mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin kerana kesalahan bunuh termasuk kes tidak boleh dijamin.

Kedua-dua mahkamah menetapkan 21 Julai depan untuk sebutan semula kes.





BERITA HARIAN

06.05.2026 (RABU)

Kes pelaburan RM1.1 bilion

'Tiada apa hendak disembunyi'

Bekas Menteri Ekonomi akui siasatan SPRM ikut proses

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, menegaskan beliau tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan berhubung siasatan berkaitan kes pelaburan bernilai RM1.1 bilion.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata, beliau bagaimanapun tidak boleh membuat sebarang ulasan berkaitan siasatan kes terbabit buat masa ini.

"Saya tak boleh nak komen sebenarnya, tapi soal siasat, bagi siapa yang selalu kena soal siasat, selalunya akan melalui prosesnya. Jadi, perkara itu selalunya mengikut 'timeline'.

"(Saya) *nothing to hide* (tiada apa-apa hendak disembunyikan)," katanya ketika ditemui di pekarangan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, semalam.

Terima layanan baik

Terdahulu, Rafizi tiba di Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 9.30 pagi bagi menyambung proses merekod keterangan untuk kali kedua berhubung siasatan terbabit.

Beliau tiba menaiki sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) Volvo XC60 berwarna gelap dan memakai kemeja biru dan sut hitam.



Rafizi tiba di Ibu Pejabat SPRM, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Ditanya mengenai proses mengambil keterangan dilalunya kelmarin, Rafizi berkata, layanan diterimanya baik.

"Layanan semua tu tak ada masalah, memang prosesnya begitu.

"Lagipun ia mudah kerana siasatan ini setakat inilah tidak berkaitan dengan apa-apa wang, apa-apa rasuah, ia soal prosedur.

"Jadi, yang itu saya ingat orang yang berada di pihak sayalah. Maksudnya perkara itu rekod semua ada...rekod kerajaan," katanya.

Pengarah Kanan Bahagian

Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar, sebelum ini dilaporkan berkata, siasatan kes itu dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Rakaman percakapan Rafizi dibuat selepas pembantunya, Chai Jin Shern atau James Chai, diambil keterangan selama tiga hari berturut-turut minggu lalu.

Mohd Hafaz dipetik sebagai berkata, sebanyak 22 keterangan sudah diambil, termasuk dalam kalangan menteri dan pegawai kanan beberapa agensi kerajaan sejak siasatan dimulakan pada 13 Februari 2025.

SPRM membuka kertas siasatan pada 16 Februari lalu susulan aduan beberapa pertubuhan bukan kerajaan yang mendakwa perjanjian projek dibuat secara tergesa-gesa dan bersifat berat sebelah sehingga memberi kesan kewangan kepada kerajaan.

Siasatan turut menurus kepada kemungkinan wujud unsur konflik kepentingan melibatkan beberapa individu yang dikatakan diberikan jawatan dalam syarikat asing berkenaan selepas meninggalkan perkhidmatan di sebuah kementerian.



BERITA HARIAN

06.05.2026 (RABU)

Kes kemuka tuntutan palsu

Pengarah agensi kerajaan antara 2 wanita ditahan

Melaka: Dua wanita, termasuk pengarah agensi kerajaan direman lima hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu berkaitan perkhidmatan dan pembekalan barangan pejabat bernilai RM15,000 tahun lalu.

Perintah reman terhadap kedua-dua suspek berusia 41 dan 43 tahun itu dikeluarkan Majistret, Sharda Shienha Mohd Suleiman, mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah sehingga 9 Mei ini bagi membantu siasatan.

Menurut sumber, suspek timbalan pengarah agensi kerajaan itu ditahan kira-kira jam 7.10 malam kelmarin, selepas seorang lagi wanita yang juga kontraktor ditahan sejam lebih awal ketika mereka hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek dipercayai terbabit mengemukakan dokumen palsu bagi tuntutan perkhidmatan dan pembekalan barangan pejabat bernilai RM15,000 bagi Disember 2025," katanya.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie, mengesahkan penahanan berkenaan, berkata kedua-dua suspek sedang disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Suspek dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, semalam.

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

2 tenaga pengajar ditahan

Di Kuala Terengganu, SPRM Terengganu memperoleh perintah reman terhadap dua tenaga pengajar sebuah badan berkanun negeri kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM30,000 sebagai balasan me-

ngeluarkan sijil lulus kelayakan kompetensi.

Perintah reman empat hari sehingga 8 Mei dikeluarkan Majistret Iffah Nabihah Mohd Ishak di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, semalam.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 20-an dan 40-an itu ditahan kira-kira jam 12 tengah hari



Dua tenaga pengajar sebuah badan berkanun Terengganu disyaki meminta dan menerima rasuah RM30,000.

(Foto ihsan SPRM)

kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu.

"Mereka disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu tahun lalu dan rasuah diminta adalah sebagai balasan memberikan kelulusan segera untuk memperoleh sijil kompetensi kepada setiap peserta kursus.

"Mereka dipercayai mene-

rima antara RM900 hingga RM1,500 bagi 31 peserta menerusi transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO

06.05.2026 (RABU)

TERIMA RM30K LULUSKAN SIJIL KELAYAKAN

SPRM Terengganu reman 2 tenaga pengajar

Kuala Terengganu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu memperoleh perintah reman terhadap dua tenaga pengajar sebuah badan berkanun negeri kerana disyaki meminta dan menerima rasuah sebanyak RM30,000 sebagai balasan mengeluarkan sijil lulus kelayakan kompetensi.

Perintah reman selama empat hari sehingga 8 Mei ini terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Iffah Nabihah Mohd Ishak selepas permohonan

dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, semalam.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 20 dan 40-an itu ditahan kira-kira jam 12 tengah hari kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu tahun lalu dan wang rasuah yang diminta adalah sebagai balasan memberikan 'kelulusan segera' untuk mem-

peroleh sijil kompetensi kepada setiap peserta kursus.

"Kedua-dua suspek dipercayai menerima antara RM900 hingga RM1,500 bagi kira-kira 31 orang peserta dan wang rasuah diperolehi melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi masing-masing," katanya.

Katanya, SPRM kini sedang meneliti sama ada penipuan sijil kompetensi ini berlaku dalam skala lebih besar.

Katanya, SPRM juga tidak menolak kemungki-

nan untuk melakukan se-makan terhadap setiap sijil yang sudah dikeluarkan oleh agensi berkenaan untuk mengenal pasti kesahihan sijil itu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan beberapa siri tangkapan susulan akan dilakukan bagi membantu siasatan.



HARIAN METRO

06.05.2026 (RABU)

11 PERTUDUHAN TERIMA RM56K DARIPADA 2 PENGARAH

Tak mengaku salah

Kuala Lumpur

Seorang ketua penolong pengarah di Jabatan Pertanian Putrajaya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 11 pertuduhan menerima RM56,200 daripada dua pengarah syarikat mempunyai hubungan dengan kerja rasminya di jabatan itu, tiga tahun lalu.

Mohamad Nizam Malik, 48, sebagai seorang penjawat awam iaitu Ketua Penolong Pengarah bertugas sebagai Pegawai Pertanian, Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Putrajaya didakwa atas dua pertuduhan menerima barang berharga tanpa balasan untuk dirinya sendiri iaitu wang RM25,700 daripada Pengerusi Koperasi Usahawan Alam Shah Berhad (KOSHAB), Zainal Md Nadzri melalui pindahan dalam talian.

Dia didakwa atas sembilan lagi pertuduhan menerima barang berharga tanpa balasan untuk dirinya sendiri, iaitu wang RM30,500 daripada Pengarah Syarikat Orchidmas Sdn Bhd, Shiz Mohammad Mohd Kassim melalui seorang lagi individu, yang tertuduh ketahui kedua-dua individu berkenaan mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Perbuatan didakwa dilakukan di sebuah bank di Shaftsbury Putrajaya Avenue dan kawasan di Presint 14, Putrajaya antara 8 Jun 2023 dan 5 Mac 2025 mengikut Seksyen 165 Ka-



MOHAMAD Nizam (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, semalam atas 11 pertuduhan menerima RM56,200 daripada dua pengarah syarikat yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya, tiga tahun lalu.

nun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Mohamad Safari Abdullah menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin untuk semua pertuduhan dengan syarat tambahan tertuduh tidak mengganggu saksi pendakwaan, melaporkan diri ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebulan sekali dan passport diserahkan

kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Peguam Mohammad Ariffin Abd Wahab mewakili tertuduh memohon jaminan rendah kira-kira RM8,000 atas alasan anak guam tiada pendapatan kerana digantung tugas dan gajinya ditahan susulan siasatan terhadapnya berhubung kes ini.

"Anak guam mempunyai seorang isteri dan lima anak, tiga masih belajar di universiti. Mohon mahkamah mempertimbangkan fakta tertuduh

telah berkhidmat hampir 25 tahun dan menyumbang perkhidmatannya kepada negara.

"Tertuduh juga tiada risiko melarikan diri kerana telah diisytiharkan muflis sejak 2021 dan bersedia menerima semua syarat tambahan yang dicadangkan pendakwaan," katanya.

Hakim Suzana Hussin membenarkan tertuduh diikat jamin RM13,000 bagi semua pertuduhan beserta syarat tambahan yang dipohon pendakwaan. - BERNAMA



SINAR HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

Kes Arm Holdings: SPRM akan kemuka cadangan pertuduhan dua individu

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengemukakan cadangan pertuduhan terhadap dua individu berkaitan siasatan penyelewengan dalam urusan pelaburan bernilai RM1.1 bilion antara Kementerian Ekonomi dan Arm Holdings dalam satu perjanjian kerjasama strategik industri semikonduktor.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki bagaimanapun tidak mendedahkan identiti dua individu berkenaan.

Menurutnya, SPRM sudah merakam keterangan 22 saksi termasuk bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli dan bekas pegawainya, James Chai.

"Masih ada dua lagi saksi akan dipanggil iaitu seorang di Taiwan dan seorang lagi di dalam negara," katanya.

Beliau berkata, pegawai penyiasat SPRM sudah melengkapkan siasatan berkaitan unsur jenayah dalam kes itu namun keputusan akhir bergantung kepada Jabatan Peguam Negara.

Jelasnya, pegawai penyiasat melihat kepada elemen jenayah, tetapi keputusan itu (pertuduhan) terpulang kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk menentukan sama ada terdapat kes atau sebaliknya.

"Saya tidak boleh dedahkan siapa (dua individu terbabit), tetapi kami mencadangkan supaya pertuduhan dibuat.

"Terpulang kepada AGC sama ada akan tuduh atau tidak," ujarnya.



BERITA HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

Kes rasuah projek jalan utama dan terowong dasar laut

'RM3.3j dibayar secara tunai kepada Guan Eng'

Ketiadaan jejak aliran wang tidak jejakkan integriti siasatan SPRM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pegawai penyiasat kes rasuah projek jalan utama dan terowong dasar laut Pulau Pinang memberitahu, Mahkamah Sesyen semalam, pembayaran RM3.3 juta kepada bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, dibuat secara tunai dan bukan pindahan ke akaun bank.

Penguasa Kanan Bahagian Siasatan Cawangan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Zulhilmi Ramli, ketika memberi keterangan bagaimanapun berkata, ketiadaan jejak aliran wang dalam perbicaraan kes rasuah terhadap Penasihat DAP itu tidak menjejaskan integriti siasatan.

Zulhilmi yang disoal Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, pada sesi pemeriksaan utama berkata, keterangan saksi utama dalam kes itu iaitu bekas Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB), Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli, turut disokong saksi lain.

"Dalam siasatan, saya menda-

pati pembayaran wang kepada tertuduh berjumlah RM3.3 juta dibuat berperingkat secara tunai dan bukan dimasukkan atau dipindahkan dalam akaun.

"Kenyataan saksi utama iaitu Zarul Ahmad disokong oleh keterangan saksi lain yang mengesahkan berlaku pengeluaran wang dan pertemuan di antara Zarul Ahmad dan Guan Eng di pejabat beliau.

"Saya juga menyiasat berdasarkan dokumen diperoleh yang mengesahkan terdapat pertemuan di dalam kereta antara Zarul Ahmad, Guan Eng dan G Gnanaraja (ahli perniagaan), yang disokong laporan forensik melalui gambar di dalam kereta dan rumah.

"Siasatan saya mendapati semua duit diberikan adalah tunai, jadi kurang bijak jika dia masukkan duit tunai dalam akaun sendiri," katanya.

Zulhilmi berkata, semua wang itu diserahkan kepada Guan Eng secara berperingkat melalui orang tengah iaitu Gnanaraja.

Saksi pendakwaan ke-38 itu memberikan keterangan terhadap Guan Eng, 65, yang didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu menggunakan kedudukan untuk suapan bagi dirinya wang berjumlah RM3.3 juta.

Ia didakwa bertujuan membantu syarikat milik Zarul Ahmad melaksanakan Projek Pembinaan Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang bernilai RM6,341,383,702 antara Janu-

ari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan kedua, Ahli Parlimen Bagan itu didakwa meminta suapan 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh daripada Zarul Ahmad sebagai upah membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sams berhampiran Hotel The Gardens, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City di sini, antara jam 12.30 tengah malam dan 2 pagi pada Mac 2011.

Guan Eng turut berdepan dua tuduhan menyebabkan dua lot tanah milik Kerajaan Pulau Pinang bernilai RM208.6 juta dipusikan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu yang didakwa dilakukan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang, Komtar pada 17 Februari 2015 dan 22 Mac 2017.

Zulhilmi turut ditanya Wan Shaharuddin mengapa SPRM masih memilih Gnanaraja sebagai saksi dalam kes itu walaupun pembelaan menyatakan wujud kenyataan bercanggah dengan Zarul Ahmad.

Menjawab persoalan itu, saksi berkata, beliau mengambil kira kenyataan Gnanaraja berkaitan pemberian wang RM2 juta kepada tertuduh yang mana kenyataan berkenaan disokong Zarul Ahmad.

"Dalam kenyataan Zarul Ahmad pada hujung 2015, beliau mengakui dan mengesahkan terdapat pemberian empat beg masing-masing berisi wang RM1



Guan Eng tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BERNAMA)

juta kepada Gnanaraja.

"Saya juga mengambil kira keterangan yang direkodkan Gnanaraja sekitar pertengahan 2020 yang selari, iaitu Gnanaraja mengaku menerima empat beg masing-masing berisi RM1 juta dan jumlah yang diterima daripada Zarul Ahmad berjumlah RM4 juta," katanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung 14 Mei ini.

Pinda tuduhan pertama

Terdahulu, di mahkamah yang sama, Hakim Azura Alwi membenarkan permohonan pendakwaan untuk meminda tuduhan pertama Guan Eng dalam kes rasuah projek pembinaan jalan utama dan terowong dasar laut bernilai RM6.3 bilion itu.

Kebenaran permohonan pendakwaan itu dibuat selepas mendapati pindaan itu perlu bagi memastikan tuduhan selaras

dengan peruntukan Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Azura berkata, walaupun pindaan hanya dikemukakan pada peringkat akhir kes pendakwaan, mahkamah berpandangan ia tidak akan prejudis dan mendatangkan sebarang ketidakadilan kepada Guan Eng.

Katanya, pihak-pihak mempunyai hak mengikut Seksyen 162 Kanun Tatacara Jenayah untuk memohon bagi memanggil semula saksi yang wajar berikutan pindaan kepada tuduhan itu.

"Oleh itu, mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk meminda tuduhan selaras dengan Seksyen 153 Kanun Tatacara Jenayah," katanya.

Bagi tuduhan itu, Guan Eng didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu, menggunakan kedudukan beliau untuk menerima RM3.3 juta.



BERITA HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

8 individu ditahan bantu siasatan babit pembekuan aset Padini

Putrajaya: Lapan individu ditahan bagi membantu siasatan membabitkan pembekuan beberapa akaun milik Padini Holdings Bhd dan anak syarikat tempatan miliknya.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya masih menjalankan siasatan kes berkenaan dengan 10 individu sudah diambil keterangan.

"Seramai 15 lagi individu sedang dikesan bagi tujuan diambil keterangan dan kes masih dalam siasatan," katanya di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Padini Holdings Bhd dan lima anak syarikat tempatan miliknya antara syarikat yang mempunyai 21 akaun bank dibekukan sebagai sebahagian daripada siasatan SPRM terhadap pihak rakan niaga luar.

Kebanyakan akaun dibekukan ialah di bawah Padini Corporation Sdn Bhd dengan tujuh akaun, diikuti Yee Fong Hung (Malaysia) Sdn Bhd dan Padini Dot Com Sdn Bhd dengan masing-masing empat akaun.

Padini Holdings Bhd mempunyai tiga akaun dibekukan, manakala Vincci Ladies' Specialties Centre Sdn Bhd mempunyai dua akaun dan Seed Corporation Sdn Bhd mempunyai satu akaun.

Mengulas lanjut, Azam berkata, pembekuan aset syarikat terbabit masih diteruskan.

"Pegawai penyiasat masih mengatakan perlu dibekukan lagi aset syarikat itu," katanya.



BERITA HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

SPRM cadang tuduh dua individu kes pelaburan RM1.1b

Ketua Pesuruhjaya enggan dedah identiti, siasatan pada peringkat akhir

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan pertuduhan terhadap dua individu berhubung siasatan membabitkan urusan niaga pelaburan semikonduktor bernilai RM1.1 bilion dengan gergasi semikonduktor British, Arm Holdings Plc (ARM).

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki, berkata pegawai

SPRM pada peringkat akhir melengkapkan kertas siasatan dan akan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya tidak lama lagi.

"Setakat ini, pihak kami sudah merakam keterangan 22 saksi termasuk penganalisis politik, James Chai dan bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli.

"Siasatan kini hampir pada peringkat akhir. Pada masa ini, hanya tinggal dua lagi saksi yang perlu dirakam keterangan, seorang di Taiwan dan seorang lagi di dalam negara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Azam bagaimanapun enggan mendedahkan identiti dua individu yang dicadang dikenakan



James Chai

pertuduhan itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 berkaitan salah guna kuasa, Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kesalahan menipu serta Seksyen 409 Kanun Keseksaan berkaitan pecah amanah jenayah.

Serah kertas siasatan

"Kertas siasatan akan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat.

"Selepas itu, terpulang kepada Jabatan Peguam Negara untuk menentukan sama ada terdapat kes untuk pendakwaan atau sebaliknya.

"Pada peringkat ini, kami su-

dah mengenal pasti dua individu yang akan dicadangkan untuk didakwa di mahkamah. Namun, saya tidak mengatakan mereka pasti akan didakwa.

"Penyiasat boleh mencadangkan pertuduhan jika bukti memenuhi elemen di bawah undang-undang, tetapi keputusan muktamad terletak pada Peguam Negara (Tan Sri Mohd Dusuqi Mokhtar)," katanya.

Ditanya sama ada dua individu itu ialah Chai dan Rafizi, Azam sekali lagi enggan mengulas.

Beliau berkata, pegawai SPRM memberi tumpuan sepenuhnya untuk menentukan sama ada wujud unsur jenayah dalam kes berkenaan.

"Pegawai saya sedang meneliti unsur jenayah. Jika terdapat bukti, terpulang kepada Peguam Negara untuk menentukan tindakan lanjut," katanya.



BERITA HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

Rafizi sedia ke mahkamah hadapi pendakwaan

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli sedia untuk ke mahkamah bagi menghadapi pendakwaan berhubung kes pelaburan semikonduktor bernilai RM1.1 bilion.

Beliau berkata, sepanjang tiga hari memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tiada sebarang bukti yang membabitkan dirinya dengan siasatan kes itu.

"Kalau kita memang tak ambil duit, maka tiada *money trail* atau bukti kekayaan atau kemewa-

han. Kalau kita buat kerja kita saja dan tiada *self interest* (kepentingan diri), soal macam mana pun jawapan kita konsisten dengan rekod rasmi yang ada.

"InsyaAllah, *exam* SPRM paper ketiga ini pun akan okay. Cikgu-cikgu yang memeriksa saya pun setakat ini okay. Bukan macam cikgu disiplin saya dulu libas dengan tali pinggang.

"Kalau saya bertuah, dapat notis terima sijil di mahkamah nanti. InsyaAllah saya naik pentas dengan tunjukkan sijil *exam* SPRM yang cemerlang," katanya menerusi media sosial semalam.

Semalam Rafizi ke Ibu Pejabat SPRM bagi menyambung proses memberi keterangan untuk kali

ketiga berhubung siasatan pelaburan bernilai RM1.1 bilion dengan gergasi semikonduktor British, Arm Holdings Plc (ARM).

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar, sebelum ini dilaporkan berkata, siasatan kes itu dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Rakaman percakapan Rafizi dibuat selepas pembantunya, Chai Jin Shern atau James Chai, diambil keterangan selama tiga hari berturut-turut minggu lalu.

Sudah bersedia dari awal

Mengulas lanjut, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, sudah bersedia dari awal untuk

berdepan sebarang siasatan berkenaan kes itu yang sebelum ini dilaporkan tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kalau kita sudah *study* awal-awal dan ingatan kita baik, insyaAllah lancar saja jawab *exam* SPM. Kalau kita memang jenis ponteng kelas, *homework* tak pernah buat, hari *exam* memang mengelabah dan berterabur jawab *exam*. *Exam* SPRM pun sama.

"Terima kasih atas doa keluarga dan kawan-kawan dari merata tempat. Satu tip saja yang saya tak pakai untuk ambik *exam* SPRM. Tip suruh makan kismis sebelum *exam* untuk ingatan kuat. Saya memang tak yakin tip ini dari dulu," katanya.

& Fadilat



Rafizi tiba di pekarangan Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)



BERITA HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

SPRM kesan RM7.9 bilion lagi dana 1MDB berada di luar negara

Beberapa individu dipercayai simpan aset diperoleh daripada skandal dana pelaburan negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bhi.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan kira-kira AS\$2 bilion (RM7.9 bilion) dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk dikembalikan kepada negara menjelang hujung tahun depan.

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki, berkata ini membatalkan beberapa individu dipercayai menyimpan aset dan dana dipercayai diperoleh daripada skandal berkenaan di luar negara.

"Kita mahu mengembalikan lagi AS\$2 bilion dan pada saya, ia satu lagi cabaran yang kena hadapi.

"Ia cabaran yang kita hadapi pada masa akan datang dari segi perundangan. Namun, saya boleh katakan SPRM mempunyai kerjasama baik dengan negara luar," katanya pada sidang media berhubung pemulangan karya seni berkaitan 1MDB di sini, semalam.

Azam enggan mendedahkan identiti individu terbabit beriku-

tan proses perundangan dan siasatan yang masih berjalan.

Beliau berkata, SPRM akan terus bekerjasama rapat dengan agensi penguat kuasa dan kerajaan luar negara bagi mengesan serta mendapatkan semula aset dikaitkan dengan penyelewengan dana 1MDB.

"Kesanggupan kami dalam menghadapi cabaran dalam kes 1MDB sejak 3 Julai 2015. Itu sejarah kerana saya yang membuka fail 1MDB.

"Dari 2015 hingga 2025, sehingga kes ini dituduh di mahkamah dan sekarang ini proses kita nak bawa duit ini kembali," katanya.

Sementara itu Azam berkata, SPRM berjaya mendapatkan semula RM31.3 bilion atau 74.5 per-

atus daripada RM42 bilion dana diseleweng daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB), sekali gus merekodkan antara kadar pemulihan aset tertinggi di dunia, bagi skandal jenayah kewangan berskala besar.

Beliau berkata, jumlah itu melebihi anggaran awal sebanyak 70 peratus pemulihan atau RM30 bilion yang dinyatakan sebelum ini.

"Berdasarkan data, jumlah keseluruhan dana 1MDB yang diseleweng sebanyak RM42 bilion. Jumlah nilai aset yang berjaya diperolehi semula setakat 2025 ialah kira-kira RM31.3 bilion.

"Ini mewakili 74.5 peratus daripada jumlah keseluruhan yang diseleweng dan kadar pemulihan aset 1MDB ini dianggap satu pen-

capaian besar yang mendapat pengiktirafan antarabangsa sebab mengikut piawalan antarabangsa, kebiasaannya jika dapat dikembalikan antara 60 hingga 70 peratus, adalah sesuatu (yang luar biasa)," katanya.

Pemulangan jet peribadi

Azam berkata, negara berjaya memperoleh semula aset bernilai puluhan bilion ringgit, termasuk hasil penjualan kapal layar mewah Equanimity bernilai kira-kira RM543 juta, pemulangan jet peribadi dan hartanah di luar negara.

Katanya, Malaysia juga berjaya mencapai penyelesaian global membatalkan institusi kewangan antarabangsa seperti Gold-

man Sachs, IPIC dan Aabar serta firma audit seperti Deloitte dan KPMG, yang secara keseluruhan menyumbang berbilion ringgit kepada negara.

"Pemulangan dana oleh individu dan entiti lain, termasuk melalui kerjasama dengan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (AS) turut memperkukuh pencapaian ini.

"Usaha itu dilaksanakan menerusi mekanisme seperti Bantuan Perundangan Bersama, perkongsian risikan kewangan, perbincangan dua hala serta tindakan pelucutbakan aset rentas sempadan membatalkan negara termasuk AS, Switzerland, United Kingdom dan Singapura," katanya.



Azam pada sidang media berhubung pemulangan karya seni berkaitan 1MDB di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)



HARIAN METRO

07.05.2026 (KHAMIS)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO

07.05.2026 (KHAMIS)



PADINI Holdings Bhd mempunyai tiga akaun dibekukan, manakala Vincii Ladies' Specialties Centre Sdn Bhd ada dua akaun dan Seed Corporation Sdn Bhd mempunyai satu akaun.

PEMBEKUAN AKAUN PADINI Lapan individu sudah ditahan bantu siasatan

Putrajaya: Seramai lapan individu sudah ditahan bagi membantu siasatan membabitkan pembekuan beberapa akaun milik Padini Holdings Bhd dan anak syarikat tempatan miliknya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan kes berkenaan dengan 10 individu sudah diambil keterangan.

"Seramai 15 lagi individu sedang dikesan bagi tujuan diambil keterangan dan kes masih lagi dalam siasatan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Padini Holdings Bhd dan lima anak syarikat tempatan miliknya adalah antara syarikat yang mempunyai 21 akaun bank dibekukan sebagai sebahagian daripada siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap pihak rakan niaga luar.

Kebanyakan akaun yang dibekukan adalah di bawah Padini Corpora-

tion Sdn Bhd dengan tujuh akaun, diikuti oleh Yee Fong Hung (Malaysia) Sdn Bhd dan Padini Dot Com Sdn Bhd dengan masing-masing empat akaun.

Padini Holdings Bhd mempunyai tiga akaun dibekukan, manakala Vincii Ladies' Specialties Centre Sdn Bhd mempunyai dua akaun dan Seed Corporation Sdn Bhd mempunyai satu akaun.

Mengulas lanjut, Azam berkata, pembekuan aset syarikat terbabit masih diteruskan.

"Pegawai penyiasat masih mengatakan perlu dibekukan lagi aset syarikat berkenaan," katanya.

Sementara itu, Azam mengingatkan penjawat awam supaya tidak terbabit dalam rasuah serta salah guna kuasa yang boleh menyebabkan ke-tirisan kepada negara.

"Saya sudah sebut RM277 bilion hilang dalam tempoh enam tahun lalu dan wang itu perlu dikembalikan kepada rakyat sebanyak mungkin," katanya.



SINAR HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

RM31.3b aset 1MDB diperoleh semula



Azam (dua dari kiri) ketika sidang media di Ibu Pejabat SPRM pada Rabu.

Libatkan 74.5 peratus daripada RM42 bilion dana diseleweng

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya memperoleh semula aset skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang diseleweng berjumlah kira-kira RM31.3 bilion daripada keseluruhan RM42 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan SPRM untuk mendapatkan semula aset negara yang telah diseleweng melalui skandal 1MDB.

Menurutnya, usaha ini bukan sahaja mencerminkan komitmen teguh kerajaan Malaysia, malah selaras aspirasi Perdana Menteri untuk memastikan setiap aset yang hilang dapat dikesan dan dikembalikan kepada negara.

"Sehingga kini, berdasarkan data yang ada, jumlah keseluruhan dana 1MDB yang diseleweng ialah sebanyak RM42 bilion.

"Nilai keseluruhan aset yang berjaya diperolehi semula setakat tahun 2025 ialah RM31,301,717,268.56 (kira-kira RM31.3 bilion).

"Pecahan peratusan pemulihan aset mengikut tahun ialah RM1,155,381,001.99 (tahun 2019), RM14,257,701,636.31 (tahun 2020), RM5,117,828,963.99 (tahun 2021), RM400,386,825.68 (tahun 2022), RM8,088,157,675.09 (tahun 2023),

RM715,954,391.27 (tahun 2024) dan RM1,566,306,774.23 (tahun 2025)," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya di sini pada Rabu.

Beliau berkata, setakat tahun 2025, Malaysia berjaya mendapatkan semula 74.5 peratus iaitu hampir tiga perempat daripada RM42 bilion dana 1MDB yang diseleweng.

Katanya, kadar pemulihan aset 1MDB ini dianggap sebagai satu pencapaian signifikan dan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Pencapaian ini melebihi anggaran awal sebanyak 70 peratus atau RM30 bilion yang dinyatakan dalam beberapa laporan.

"Kejayaan ini merupakan antara kadar pemulihan aset tertinggi di dunia bagi skandal jenayah kewangan berskala besar," ujarnya.



SINAR HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

1MDB: Lapan lagi lukisan bernilai tinggi dijangka dibawa pulang

PUTRAJAYA - Lapan lagi karya seni bernilai kira-kira RM120.9 juta yang dikaitkan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah dikenal pasti untuk dibawa pulang ke Malaysia tahun ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, secara keseluruhan, SPRM telah mengenal pasti sebanyak 12 karya seni untuk dibawa pulang.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, empat telah berjaya dipulangkan manakala lapan lagi kini berada dalam pelbagai peringkat pemulihan.

"Secara keseluruhan, nilai lukisan yang masih dalam proses pemulihan dianggarkan sekitar AS\$1.7 juta bersamaan kira-kira RM6.9 juta," katanya.

Beliau berkata, selain itu, SPRM juga sedang giat mendapatkan semula hasil jualan sebuah lukisan oleh Claude Monet bertajuk 'Vétheuil au Soleil' yang dijual di Switzerland pada harga kira-kira EUR25.2 juta (RM114 juta).

Katanya, dana tersebut kini berada di bawah proses penyitaan oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS).

"Usaha pemulihan sedang dijalankan melalui saluran perundangan serta kerjasama dengan pihak berkuasa di Amerika Syarikat dan Switzerland," ujarnya.

Tambahnya, pada 14 April lalu, SPRM telah berjaya membawa pulang empat karya seni antarabangsa yang sebelum ini diperolehi menggunakan dana 1MDB melalui rumah lelong Sotheby's di New York.

"Karya-karya seni ini dijejaki melalui transaksi di rumah lelong terkenal dunia seperti Christie's serta Sotheby's di New York dan berjaya diperolehi semula melalui proses perundangan serta kerjasama strategik antarabangsa.

"Karya seni ini tidak dirampas secara fizikal, sebaliknya diserahkan melalui proses sah di sisi undang-undang kepada SPRM melalui Jabatan Peguam Negara," ujarnya.

Katanya, empat karya lukisan bernilai tinggi bernilai kira-kira RM786,556 yang berjaya dibawa pulang kini ditempatkan sementara di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya dengan kerjasama Balai Seni Negara.



SINAR HARIAN

07.05.2026 (KHAMIS)

Kes Padini: SPRM tahan 8 individu, 10 direkod keterangan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan individu bagi membantu siasatan berkaitan pembekuan beberapa akaun bank milik Padini Holdings Bhd (Padini) dan anak syarikatnya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, 10 individu telah dirakam percakapan, manakala 15 lagi sedang dikesan.

"Siasatan kes ini masih berjalan. Pembekuan aset ini masih lagi diteruskan. Memang ada pihak berkenaan memohon untuk dilepaskan, namun pegawai penyiasat memaklumkan aset masih perlu dibekukan," katanya.

Pada 25 April lepas, Padini memaklumkan telah memulakan semakan dalaman susulan pembekuan beberapa akaun bank milik syarikat dan anak syarikatnya oleh SPRM yang dikaitkan

dengan siasatan melibatkan beberapa pihak ketiga di luar kumpulan syarikat dan bukan pekerja, pegawai atau sebahagian daripada pengurusan syarikat.

Padini turut memaklumkan pihaknya telah melantik penasihat undang-undang luar serta mengambil langkah sewajarnya termasuk memohon relif bagi tujuan penyahbekuan akaun terlibat, sambil menegaskan operasi harian kumpulan berjalan seperti biasa.

Difahamkan, tindakan pembekuan akaun dijalankan mengikut Seksyen 44(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Dalam perkembangan lain, Azam turut mengingatkan penjawat awam khususnya yang

memegang jawatan dan amanah supaya tidak terlibat dalam rasuah serta salah guna kuasa yang boleh menyebabkan ketirisan kepada negara.

"Saya telah sebut RM277 bilion telah hilang dalam tempoh enam tahun lepas dan wang itu perlu dikembalikan kepada rakyat sebanyak mungkin... dalam tempoh dua tahun setengah lepas pula, RM5 bilion telah berjaya dikembalikan.

"Jadi menjadi tanggungjawab pengurusan baharu, pegawai-pegawai saya yang kekal dalam SPRM serta semua agensi penguat kuasa lain di bawah pasukan petugas untuk bekerjasama dan mempunyai iltizam sama dalam mengekang segala bentuk jenayah dalam negara ini," katanya.

Ek ELEH

Zoo Jepun tunjuk gambar GAJAH MALAYSIA DALAM KEADAAN GEMBIRA

BAGAIMANA agaknya riak WAJAH GEMBIRA GAJAH ya?





HARIAN METRO

16.05.2026 (SABTU)

Oleh Hafidzul
Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pegawai dan anggota yang terbabit ketika bertugas di sebuah sel lokap di Balai Polis Sentral, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh digantung tugas bagi membantu siasatan berhubung penemuan pelbagai barangan terlarang termasuk dadah, telefon bimbit dan senjata tajam.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail berkata, tindakan segera diambil dengan mengarahkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) menjalankan siasatan lanjut.

"Tindakan susulan dilaksanakan bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan beberapa jabatan berkaitan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang," katanya



"Tindakan susulan turut dilaksanakan bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan beberapa jabatan berkaitan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang"

*Ketua Polis Negara,
Datuk Seri Mohd
Khalid Ismail*

pada sidang media di Bukit Aman, semalam.

Mohd Khalid berkata, semua ketua polis negeri dan ketua polis daerah (KPD) juga diarahkan me-

lakukan pemeriksaan di semua lokap.

Katanya, arahan dikeluarkan kepada semua KPD supaya pemeriksaan

DADAH DALAM LOKAP BALAI POLIS SENTRAL

PEGAWAI, ANGGOTA DIGANTUNG TUGAS

lokap dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap keselamatan dan pemantauan berada pada tahap terbaik.

"Semua ketua polis negeri juga mempunyai kuasa untuk melaksanakan pemeriksaan di lokap di bawah pentadbiran masing-masing.

"Kita, sebenarnya sentiasa menjalankan siasatan dan operasi dan arahan saya kepada ketua polis daerah untuk memeriksa lokap-lokap dari masa ke semasa.

"Secara keseluruhan, kita melihat keadaan masih baik dan terkawal. Cuma dalam satu kes terbaru, hasil siasatan mendapati

berlaku sedikit kelompokan apabila beberapa bahan terlarang dijumpai di dalam lokap," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan pemeriksaan mengejut yang dijalankan JIPS Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak membongkar penemuan pelbagai barangan terlarang termasuk dadah, telefon bimbit dan senjata tajam di dalam sebuah sel lokap di Balai Polis Sentral, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh.

Serbuan yang dijalankan Selasa lalu bermula jam 9.30 malam hingga 3 pagi itu bertindak atas maklumat awam yang diterima pihak berkuasa.

Pemeriksaan yang tertumpu di lokap yang menempatkan empat orang orang kena tahan (OKT) lelaki membawa kepada penemuan awal sebuah telefon pintar jenis Vivo pada tubuh salah seorang tahanan.

Pemeriksaan lanjut di dalam sel yang disaksikan oleh semua OKT kemudiannya merungkai penemuan lebih mengejutkan.

Polis menemui sebuah kotak bertulis Fire Sensyang menyembunyikan 22 paket plastik lutsinar dipercayai dadah jenis heroin seberat 4.23 gram serta satu paket disyaki methamphetamine seberat 1.6 gram.



HARIAN METRO

18.05.2026 (ISNIN)

ASP peras lelaki RM5,000 dicekup

Kuala Lumpur: Seorang pegawai polis berpangkat asisten superintendan (ASP) ditahan selepas didakwa terabit kes pemerasan RM5,000 terhadap seorang lelaki di sebuah restoran nasi kandar di Bukit Bintang, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sazalee Adam, dalam kejadian jam 1.30 pagi, lelaki itu dimaklumkan rakan sekerjanya ditahan anggota polis kerana disyaki terabit aktiviti penipuan pusat panggilan dengan mendakwa majikannya lelaki warga China menjadi bujukan dan mempunyai rekod orang dikehendaki di Kemboja serta China.

Menurutnya, mangsa hadir bertemu rakan dan mendapati kenalannya bergari sebelum dibebaskan selepas sejam.

"Mangsa juga menyatakan dipaksa menyerahkan wang RM5,000 kepada polis di restoran terabit. Susulan itu, mangsa membuat laporan polis terhadap anggota polis yang menggari tangan rakannya serta mengugut meminta wang," katanya.

"Siasatan juga mendapati suspek ada berhubung dengan seorang lelaki dan ditawarkan RM300,000 sekiranya dapat menahan majikan mangsa kerana dikehendaki atas kesalahan penipuan"

Sazalee Adam

dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, susulan itu polis menahan pegawai terabit dan merampas telefon bimbitnya.

"Suspek direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan.

"Siasatan juga mendapati suspek ada berhubung dengan seorang lelaki dan ditawarkan RM300,000 sekiranya dapat menahan majikan mangsa kerana dikehendaki atas kesalahan penipuan," katanya.



BERITA HARIAN

18.05.2026 (ISNIN)

Pegawai polis peras ugut warga asing kena reman

Mangsa dakwa dipaksa serah RM5,000 untuk lepaskan rakan yang ditahan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Seorang pegawai polis berpangkat Asisten Superintendan (ASP) ditahan selepas wang RM5,000 daripada seorang lelaki di sebuah restoran nasi kandar di Bukit Bintang,

Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sazalee Adam, berkata dalam kejadian jam 1.30 pagi itu, lelaki itu dimaklumkan rakan sekerjanya ditahan anggota polis kerana disyaki terbabit aktiviti penipuan pusat panggilan, dengan majikannya yang juga warga China dikatakan

menjadi buruan serta mempunyai rekod dikehendaki di Kemboja dan China.

Katanya, mangsa kemudian hadir untuk bertemu rakannya itu, sebelum mendapati lelaki itu dalam keadaan tangannya bergari, namun dibebaskan selepas sejam.

Dipaksa serah wang

"Mangsa menyatakan dia dipaksa untuk menyerahkan wang RM5,000 kepada pihak polis di restoran terbabit. Susulan itu, mangsa membuat laporan terhadap anggota yang menggari tangan ra-

kannya itu, selain mengugut meminta wang," katanya melalui kenyataan semalam.

Menurut Sazalee, polis kemudian menahan pegawai terbabit dan merampas telefon bimbitnya.

"Suspek kini direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan. Siasatan mendapati suspek ada berhubung dengan seorang lelaki dan ditawarkan RM300,000 sekiranya dapat menahan majikan mangsa kerana dikehendaki atas kesalahan penipuan," katanya.

Siasatan mendapati suspek ada berhubung dengan seorang lelaki dan ditawarkan RM300,000 sekiranya dapat menahan majikan mangsa

Sazalee Adam,
Ketua Polis Daerah Dang Wangi





SINAR HARIAN

19.05.2026 (SELASA)

Ketua polis daerah disiasat dakwaan gangguan seksual

KUCHING – Seorang ketua polis daerah di Sarawak sedang disiasat berhubung dakwaan melakukan gangguan seksual terhadap anggota polis wanita bawahannya.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohamad Zainal Abdullah mengesahkan perkara itu dan memaklumkan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti kesahihan laporan berkeñaan.

"Setakat ini, ia masih dakwaan dan belum dapat dipastikan. Kita akan menjalankan siasatan terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Beliau berkata, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, mangsa yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) sama membuat laporan polis mendakwa menjadi mangsa gangguan oleh pegawai kanan terbabit yang dikatakan berlaku di tempat kerja serta kediaman pegawai berkenaan. - *Bernama*



HARIAN METRO

19.05.2026 (SELASA)

KES RASUAH BEKAS PTD 45 jenis dokumen diserahkan kepada pihak pembelaan

Kuala Lumpur: Sebanyak 45 jenis dokumen termasuk rekaman percakapan dan penyata akaun bank diserahkan kepada pihak pembelaan dalam kes bekas Panglima Tentara Darat (PTD) Tan Sri Muhammad Hafizuddin Jantan dan isterinya, Salwana Anwar @ Kahanasiddin yang menghadapi pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram.

Tirabulan Pendakwa Raya (TPR) Mohd Abdul Jemazat memaklumkan perkara berkenaan semasa prosiding sebutan kes di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Azura Abi semalam.

"Hari ini (semalam) ditetapkan untuk sebutan serahan dokumen kepada pihak pembelaan mengikut Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah. Untuk makluman, masing-masing satu set dokumen mengandungi kira-kira 45 dokumen termasuk rekaman percakapan dan penyata akaun bank telah diserahkan kepada pihak pembelaan.

"Dianggarkan tiap set dokumen akan diserahkan kepada pembelaan secara berperingkat dan pihak kami mohon tempoh masa sebulan hingga ke dua bulan untuk serahan seterusnya," kata Mohd yang mengendalikasikan kes bersama TPR Farah Yamin, Salleh dan Nairah Fareha Rahmat.

Teguan Atul Bohan Anwar dan Fahmi Abd Main yang mewakili pasangan suami isteri itu mengesahkan sudah menerima dokumen terbabit.

Azura kemudiannya menetapkan 25 Jun depan untuk sebutan semula kes.

Pada 22 Januari lalu, Muhammad Hafizuddin, 58, didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, atas empat pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM964,000, RM474,850, RM488,999 dan RM100,000 yang dimasukkan ke dalam bank miliknya.

Keserius kesalahan itu didakwa dilakukan di tiga bank di lokasi berbeza, iaitu di Jalan Melaka, Bukit Damansara serta pusat bandar raya antara 1 Februari 2024 hingga 7

November 2025 dengan pertuduhan disemakikan mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA/PPUAA) 2001 dan boleh dibuktikan di bawah Subseksyen 4(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau hasil aktiviti haram atau RM5 juta yang mana lebih tinggi jika disabitkan kesalahannya.

Pada tarikh yang sama, Salwana, 27, didakwa atas empat pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM50,000, RM7,000, RM10,000 dan RM10,000 yang dimasukkan ke dalam sebuah akaun bank milik syarikat di sebuah bank cawangan Daman-

sara Heights, Wisma COA II di sini, antara 24 November 2024 hingga 25 November 2025.

Pertuduhan dikuat mengikut Subseksyen 4(1)(b) AMLA/PPUAA dan dibaca bersama-sama Subseksyen 87(1)(a) yang boleh dibuktikan di bawah Subseksyen 4(1) akta sama.

Pada 23 Januari lalu, Muhammad Hafizuddin didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas dua pertuduhan menerima hasil daripada aktiviti haram, iaitu wang RM115,000 dan RM30,000 yang dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya di sebuah cawangan bank di Ampang Point, Ampang antara 2 Februari 2024 hingga 19 Mei 2025.

Salwana turut dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada 26 Januari lalu atas pertuduhan menerima wang berjumlah RM5,000 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram yang dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya di sebuah cawangan bank di Jerlia dekat Besut, pada 26 Januari 2025.



BERITA HARIAN

24.05.2026 (AHAD)

Pengurus syarikat ditahan cuba sogok penguat kuasa RM50,000

Tawau: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pemilik dan pengurus sebuah syarikat pelancongan kerana disyaki cuba menyogok pegawai penguat kuasa sebanyak RM50,000 bagi menukar sampel daging haiwan liar yang difampas di sebuah resort di Semporna, minggu lalu.

Perintah reman tujuh hari sehingga 30 Mei ini terhadap kedua-dua lelaki itu dikeluarkan Majistret Don Stiwin Malanjum di Mahkamah Majistret Tawau, semalam selepas permohonan di kemukakan SPRM.

Berdasarkan keterangan kes di mahkamah pagi semalam, suspek dipercayai menawarkan wang rasuah kepada pengadu sebagai balasan untuk menukar sampel daging haiwan yang dirampas polis sebelum diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar Tawau pada 15 Mei lalu bagi tujuan siasatan.

Pengadu dikatakan menerima pesanan melalui aplikasi WhatsApp daripada suspek pada 19 Mei lalu yang menawarkan wang rasuah RM50,000 untuk tujuan berkenaan.



Dua suspek ditahan reman tujuh hari kerana disyaki cuba menyogok pegawai penguat kuasa.

(Foto Abdul Rahemang Taiming/BH)

Dua hari kemudian pengadu menerima satu lagi pesanan daripada nombor sama bagi mengatur pertemuan di sebuah restoran di pusat bandar Tawau untuk penyerahan wang rasuah terbabit.

Bertindak atas maklumat itu, SPRM Tawau melancarkan operasi dikenali sebagai 'Ops Seawind' sebelum menahan suspek pertama jam 9.30 malam kelmarin, selepas dipercayai menyerahkan wang tunai RM10,000 kepada pengadu di sebuah restoran di bandar ini.

Suspek kedua pula ditahan kira-kira jam 11.50 malam hari sama kerana disyaki bersubahat dalam penyerahan wang rasuah berkenaan.

Penolong Kanan Penguasa SPRM Tawau, Jaffaruddin Shahari, dalam permohonan remannya memaklumkan siasatan belum dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam kerana beberapa saksi masih perlu dikenal pasti dan dirakam percakapan selain dokumen berkaitan siasatan sedang dikesan.



BERITA HARIAN

25.05.2026 (ISNIN)

Anggota tentera dituduh cederakan anak

Kota Bharu: Seorang anggota tentera didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan anak lelaki kandungannya berusia 10 tahun di Kampung Kijang, di sini, dua tahun lalu.

Zainudin Zainal Abidin, 42, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abillah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menganiaya kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun ketika kejadian dengan menendang perut dan menampar muka sehingga menyebabkan kecederaan fizikal dan gangguan emosi terhadap kanak-kanak itu.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Kijang pada jam 7.30 malam pada 11 Mei 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang boleh dihukum dibawah Seksyen 31 (1) akta yang sama memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya.

Mahkamah menawarkan jaminan RM10,000 dan menetapkan 24 Jun bagi sebutan semula kes.



BERITA HARIAN

27.05.2026 (RABU)

Kes dokumen palsu bekal mesin dan peralatan perubatan

Penolong pegawai perubatan mengaku tak salah 10 pertuduhan

Mahkamah benarkan ikat jamin RM30,000 dan kes disebut semula pada 14 Julai depan

Oleh Farhana Yaacob
bhnews@bh.com.my

Melaka: Seorang penolong pegawai perubatan mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini semalam, atas 10 pertuduhan menggunakan dokumen palsu membabitkan pembekalan mesin dan peralatan perubatan bernilai RM214,382 kira-kira tiga tahun lalu.

Tertuduh, Azizul Farid Muhammad, 48, membuat pengakuan itu sejourus semua pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim, Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga ke-10, tertuduh yang bertugas sebagai penolong pegawai perubatan, didakwa meng-

gunakan dengan niat memperdayakan prinsipalnya, iaitu Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi dokumen Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan yang mengandungi butiran matan palsu.

Dokumen berkenaan membabitkan pembekalan mesin dan peralatan perubatan untuk Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah oleh dua syarikat, sedangkan pembekalan itu sebenarnya tidak dilakukan.

Boleh dipenjara maksimum 20 tahun, denda

Kesalahan itu didakwa dilakukan di PKD Alor Gajah antara 19 Jun hingga 29 September 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai butir matan palsu atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari,



Azizul Farid dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di Melaka, semalam.

(Foto Farhana Yaacob/BH)

yang tidak mencadangkan jaminan, namun memohon mahkamah menetapkan jumlah di antara RM40,000 hingga RM50,000 bagi semua pertuduhan sekiranya budi bicara jaminan diberikan.

Beliau turut memohon syarat tambahan supaya tertuduh melapor diri di pejabat SPRM dan

menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam bela, Mohamad Kamarulzaman Jusoh, yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya memberi kerjasama sepanjang siasatan selain seorang penjawat awam dan tidak mempunyai risiko melarikan diri.

Menurutnya, tertuduh juga menanggung seorang anak berusia 13 tahun yang menghidap penyakit jantung.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM30,000 dengan syarat tambahan seperti dikehendaki pihak pendakwa dan menetapkan 14 Julai depan untuk sebutan semula kes.



HARIAN METRO

27.05.2026 (RABU)

Nafi 10 tuduhan guna dokumen palsu

Melaka: Penolong pegawai perubatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini, semalam, atas 10 pertuduhan menggunakan dokumen palsu membabitkan pembekalan mesin dan peralatan perubatan bernilai RM214,382, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Azizul Farid Muhammad, 48, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elisabeth Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga ke-10, tertuduh yang bertugas sebagai penolong pegawai perubatan didakwa menggunakan dengan niat memperdayakan prinsipalnya iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi dokumen Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan yang mengandungi butiran matan palsu.

Dokumen berkenaan membabitkan pembekalan mesin dan peralatan perubatan untuk Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah oleh dua syarikat, sedangkan pembekalan itu sebenarnya ti-

dak dilakukan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di PKD Alor Gajah antara 19 Jun hingga 29 September 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai butir matan palsu atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari yang tidak mencadangkan jaminan, namun memohon mahkamah menetapkan jumlah antara RM40,000 hingga RM50,000 bagi semua pertuduhan sekiranya budi bicara diberikan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM30,000 dengan syarat tambahan seperti dipohon pihak pendakwaan dan menetapkan 14 Julai depan untuk sebutan semula kes.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ayer Keroh.